

MIC Bukit Bintang buat laporan polis

UM - 2 FEB 2002

KUALA LUMPUR 1 Feb. — Pemuda MIC Bahagian Bukit Bintang hari ini membuat laporan polis berhubung penjualan cakera padat video (VCD) yang memaparkan cubaan membunuh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Setiausahanya, M. Prabu berkata, VCD keluaran Hollywood itu yang berjudul 'Zoolander' diarahkan oleh Ben Stiller dan kini dijual di premis-premis menjual VCD secara terbuka.

"Dalam filem itu terdapat babak yang memaparkan satu anasir jahat telah mengarahkan seorang penjenayah untuk membunuh Perdana Menteri Malaysia," katanya ketika ditemui di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields di sini, hari ini.

Beliau membuat laporan di IPD terbabit pada kira-kira pukul 10.30 pagi ini.

Menurut M. Prabu, filem yang mengandungi unsur-unsur sensitif dan ganas itu boleh memburukkan imej negara.

"Walaupun ia hanya sebuah filem, filem tersebut jelas sekali cuba menghina Malaysia dan kita berharap kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap penjualan VCD tersebut," ujar beliau.

Prabu memberitahu, pihaknya akan menyerahkan satu salinan filem itu kepada Perdana Menteri dan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu untuk tindakan selanjutnya.

Tambah beliau, filem itu telah diharamkan di negara ini tetapi dipercayai telah memasuki pasaran Malaysia sejak lebih sebulan lalu dan mudah didapati di premis-premis menjual VCD.

Beliau juga mengutuk tindakan penjual-penjual VCD yang terus menjual VCD tersebut tanpa mengambil kira imej negara.